

UTUSAN BORNEO

Tarikh : 17 September (Jumaat)
Muka Surat : 1

Intan pertingkat imej penjawat awam negeri

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

TUARAN: Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Musa Aman berkata kewujudan Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Sabah membolehkan kesinambungan program latihan seperti ditawarkan di Semenanjung turut dinikmati penjawat awam dari negeri ini.

Beliau berkata Intan sebagai organisasi yang menjadi tunjang utama bidang latihan perkhidmatan awam di negara ini telah banyak memberi impak positif kepada perkhidmatan awam Persekutuan dan negeri.

“Melalui pelbagai kursus dan program latihan yang dijalankan, saya amat yakin usaha memperkasakan penjawat awam di negeri ini dapat dilaksanakan.

“Di samping itu, hubungan erat antara jabatan Persekutuan dan negeri membuktikan semangat Malaysia semakin mantap dalam diri penjawat awam yang bertugas di Sabah,” katanya ketika berucap di majlis perasmian Kampus Intan Sabah di sini, kelmarin.

Katanya, kesungguhan dan komitmen ini harus diteruskan bagi merealisasikan impian menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi berlandaskan empat tonggak utama.

Empat tonggak berkenaan adalah gagasan Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10).

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha Intan Sabah untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam.